

Sekolah Tinggi Foon Yew Dapat Hadiah Ulang Tahun Ke-100 Daripada Najib Bernama
29 April, 2013

JOHOR BAHRU, 29 April (Bernama) -- Sekolah Tinggi Foon Yew yang menyambut ulang tahun ke-100 pada tahun ini, mendapat hadiah daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib, pada Majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri yang dianjurkan Barisan Nasional Parlimen Johor Baharu di sini hari ini meluluskan pembinaan Sekolah Tinggi Foon Yew di kawasan Seri Alam, Pasir Gudang.

"Saya nak umumkan, kerajaan meluluskan pembinaan Sekolah Foon Yew 2," kata Najib.

Beliau yang merupakan Pengerusi Barisan Nasional berkata sekolah itu adalah bagi menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah.

Naib Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Sekolah Tinggi Foon Yew, Tong Sing Chuan yang ditemui pemberita selepas majlis tersebut menyambut baik pengumuman tersebut.

-- LAGI

PRU13-FOON YEW 2 (AKHIR) JOHOR BAHRU

"Kami akan bangunkan di atas tanah 20 ekar (lapan hektar) di Seri Alam Pasir Gudang. Sekolah pertama sudah berusia 10 tahun dan tidak dapat menampung jumlah pelajar yang semakin ramai," katanya.

Beliau menganggarkan lebih 10,000 pelajar kini belajar di sekolah persendirian tersebut yang mempunyai kampus utama di Stulang dan kampus cawangan di Kulaijaya.

Setiap tahun, lebih kurang 6,000 pelajar akan menduduki peperiksaan khas bagi memasuki sekolah tersebut.

"Kami berterima kasih kepada Najib kerana meluluskan pembinaan cawangan yang baharu ini. Ini merupakan hadiah yang istimewa bagi sambutan ulang tahun ke-100 sekolah ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946215>

